

26 JUL 2003

Tajem-Moggie/I

TAJEM SANJUNG TINGGI KEWIBAWAAN MOGGIE

KUCHING, 26 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Seri Daniel Tajem hari ini menyanjung tinggi bekas presiden parti itu, Datuk Amar Leo Moggie.

"Nama Moggie adalah sinonim dengan PBDS dan oleh itu saya benar-benar berasa takut dan bimbang apabila berdiri di hadapan anda," kata beliau pada Persidangan Tiga Tahun Sekali (TDC) keenam parti itu di Santubong Resort yang dirasmikan oleh Moggie, yang juga Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Katanya: "Janganlah hendaknya, ucapan alu-aluan saya dan penjelasan tentang apa yang berlaku di dalam parti kebelakangan ini menghakis kehebatan beliau manakala saya sendiri, yang berdiri di depan anda ini, hanyalah secebis daripada bayangan seorang lelaki yang benar-benar hebat dari kalangan masyarakat Dayak, iaitu Moggie."

Tajem berkata Moggie adalah seorang Dayak daripada segi warisan, seorang anak Sarawak dan seorang warga Malaysia yang benar-benar tulen.

"Saya telah menjadi timbalan beliau di dalam parti selama 20 tahun. Dan saya dengan senang hati akan terus menyokong jika beliau memilih untuk mengekalkan jawatannya," kata Tajem.

Beliau berkata anggota parti patut gembira kerana khidmat Moggie yang begitu cemerlang dalam menguruskan PBDS boleh dijadikan teladan dalam menentukan arah masa depan parti itu.

Beliau berkata jika PBDS berhasrat untuk terus relevan, ia perlu mendapat sokongan semua kumpulan etnik, termasuk masyarakat Dayak sendiri.

"Kekayaan bakat yang dimiliki oleh mereka yang terpilih menganggotai Majlis Tertinggi serta tenaga luar biasa, semangat kental dan kecekalan yang ada pada mereka, akan menjadi sia-sia jika tidak diiringi dengan semangat untuk bekerjasama rapat," katanya.

Beliau berkata jika parti itu berhasrat untuk terus menjadi jentera yang akan membawa masyarakat Dayak ke arah integrasi, maka ia perlulah memberi sokongan, kekuatan dan rangsangan kepada mereka yang telah dipilih ini.

Katanya jika PBDS ingin terselamat daripada cabaran yang menantinya pada masa depan, ia perlulah bergerak seiring dengan perubahan yang berlaku.

Tajem juga mengingatkan seluruh anggota masyarakat Dayak, khususnya mereka yang berpelajaran tinggi, bahawa mereka memikul tanggungjawab besar untuk memajukan kaum sendiri.

Mengenai parti itu, beliau berkata walaupun PBDS merupakan parti yang berasaskan suku kaum, namun cita-citanya merentasi sempadan perkauman.

Katanya PBDS perlu mengambil iktibar daripada apa yang pernah diucapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Julai 1984 iaitu "Kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa setiap parti komponen mendapat kekuatan daripada masyarakat tertentu dan oleh itu, setiap parti perlulah menjaga kepentingan masyarakat yang memberi sokongan kepadanya."

Tajem berkata beliau gembira kerana anggota Majlis Tertinggi akan datang terdiri daripada mereka yang mempunyai cita-cita untuk memperbaiki keadaan parti itu.

"Saya ingin tegaskan sekali lagi bahawa masa depan suku kaum Dayak terletak di tangan BN dan saya juga ingin mengulangi komitmen PBDS untuk berkhidmat kepada rakyat dengan sebaik mungkin serta berharap dapat menjalin hubungan kerja yang padu dengan rakan-rakan lain di dalam BN

negeri," katanya.

Tajem berkata PBDS berikrar akan terus setia kepada BN negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang beliau sifatkan sebagai cahaya yang telah memandu Sarawak ke arah menikmati pembangunan sosio ekonomi, integrasi sosial dan kestabilan politik yang begitu pesat.

Beliau juga berkata parti itu akan terus memberi sokongan padu kepada kerajaan pusat di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan bakal pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

FLL MT SP LAT